

03/12/2003

TPM: Dr M minta sokong pilihan PM

Zaharah Othman

LONDON: Tun Dr Mahathir Mohamad mahu semua pihak memberi sokongan penuh kepada sebarang keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam melantik timbalannya nanti.

Beliau berkata, Perdana Menteri berhak memilih timbalannya sendiri dan keputusan itu mestilah diberi sokongan penuh.

"Beliau berhak memilih timbalannya sendiri dan saya minta semua orang menyokong keputusannya," kata Dr Mahathir ketika berucap kepada pelajar dan masyarakat Malaysia pada majlis Aidilfitri di Dewan Malaysia di sini, semalam.

Dr Mahathir, diiringi isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, singgah di London ketika dalam perjalanan pulang dari Itali. Walaupun notis mengenai pertemuan dengan beliau dikeluarkan dalam masa singkat dan cuaca di sini tidak begitu baik, Dewan Malaysia penuh dengan rakyat Malaysia yang datang untuk mengucapkan penghargaan kepadanya.

Beliau, yang kelihatan selesa dan melayan pelbagai soalan hadirin berkata, Malaysia baru saja melalui era peralihan amat penting, iaitu perubahan dalam pucuk pimpinan selepas beliau sendiri memimpin selama 22 tahun.

"Tidak banyak negara yang boleh melalui perubahan sebegini tanpa pertumpahan darah dan kekacauan. Tetapi di Malaysia, pertukaran kepimpinan berjalan dengan licin sekali dan semua orang tahu siapa akan menggantikan saya.

"Saya harap Pak Lah akan terus mendapat sokongan yang diberikan kepada saya selama ini. Saya akan terus menyokong kerajaan baru dan berkempen untuk kerajaan baru.

"Malah, kalau ada pun yang saya tidak setuju, saya tidak akan melemahkan usaha kerajaan kerana ketika saya menjadi perdana menteri dulu, saya tidak suka orang melemahkan usaha saya," katanya.

Seperti perjumpaan dengan pelajar Malaysia di luar negara sebelum ini, Dr Mahathir menegaskan pentingnya pelajaran dan pengetahuan.

"Malaysia sentiasa mementingkan pelajaran. Satu cara untuk maju ialah untuk memperoleh seberapa banyak pengetahuan. Kita bernasib baik sebab rakyat Malaysia sentiasa mahu belajar dan mahu mendapatkan pengetahuan," katanya.

Merujuk kembali isu Semitik dalam ucapannya baru-baru ini yang menimbulkan kecaman dunia Barat, Dr Mahathir mempertahankan kata-katanya bahawa kaum Yahudi menguasai dunia tetapi menafikan beliau anti-Semitik.

"Mereka menguasai Amerika Syarikat - negara yang paling berkuasa di dunia. Mereka menguasai bidang kewangan, Hollywood, dan pusat kuasa di Washington. Sebab itulah saya mengatakan bahawa mereka memerintah dunia by proxy.

"Malangnya sekarang ini, kita tidak boleh berkata apa-apa mengenai Yahudi kerana akan dituduh sebagai anti-Semitik. Dalam ucapan saya, saya mengatakan bahawa orang Islam harus menghentikan kegiatan keganasan tetapi kenyataan ini tidak dilaporkan, sebaliknya mereka membesar-besarkan isu Yahudi."

"Kalau seseorang itu semitik dan melakukan jenayah, saya berhak mengatakan itu satu jenayah dan harus dihukum. Begitu juga kalau dia seorang Islam. Saya tidak percaya ada sesuatu bangsa yang tidak boleh disentuh oleh undang-undang," katanya.

Selepas menyampaikan ucapannya, hadirin berebut-rebut bersalam dan

bergambar kenangan dengan bekas Perdana Menteri dan isteri.

Dr Siti Hasmah juga diberi tepukan gemuruh apabila Presiden MIC London, Ravindren Ponniah memberi penghargaan kepadanya kerana `meminjamkan Dr Mahathir kepada negara selama 22 tahun.'

Bagaimanapun, Dr Siti Hasmah yang dengan sabar dan sentiasa senyum memerhatikan suaminya ditarik ke sana-sini untuk bergambar berkata:
"Nampaknya, saya belum masih mendapat balik suami saya seratus peratus."